

***SILSILAH RAJA-RAJA BRUNEI* SEBAGAI SEBUAH KARYA HISTORIOGRAFI MELAYU**

(Silsilah Raja-raja Brunei as a Malay Historiographical Text)

Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah
brahim.tengah@ubd.edu.my

Academy of Brunei Studies, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, BE1410 Brunei Darussalam.

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah. (2026). *Silsilah Raja-raja Brunei* sebagai sebuah karya historiografi Melayu. *Malay Literature*, 39(1), 185–212. [https://doi.org/10.37052/ml39\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/ml39(1)no7)

<i>Received:</i> Peroleh:	12/8/2025	<i>Revised:</i> Semakan:	15/6/2026	<i>Accepted:</i> Terima:	26/6/2026	<i>Published online:</i> Terbit dalam talian:	30/6/2026
------------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double blind peer-review process*)

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis ciri-ciri historiografi Melayu dalam *Silsilah Raja-raja Brunei* bagi membuktikan kedudukannya sebagai sebuah karya historiografi Melayu. Naskhah ini bukan sahaja berfungsi sebagai rujukan senarai keturunan sultan-sultan Brunei, tetapi turut berperanan untuk membina legitimasi politik, menyebarkan nilai keagamaan dan membentuk identiti budaya masyarakat Brunei. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan pustaka maya bagi memperoleh sumber rujukan yang berkaitan, serta kaedah analisis teks terhadap Manuskrip A dan Manuskrip B yang ditransliterasi oleh Sweeney (1968). Analisis dilakukan berpandukan kerangka empat ciri utama yang dikemukakan oleh Teuku Iskandar (1988) dan Harun Mat Piah et al. (2006), iaitu asal usul raja, salasilah keturunan raja, pembukaan negeri, serta kedatangan dan perkembangan agama Islam. Dapatan kajian membuktikan bahawa kedua-dua manuskrip memenuhi semua ciri tersebut yang memperlihatkan bahawa ia adalah karya historiografi Melayu kaya dengan dimensi sejarah, politik, agama, dan budaya dalam khazanah persuratan Nusantara. Sehubungan dengan itu, kajian ini tidak hanya penting dari sudut akademik, malah turut memberikan implikasi terhadap usaha pemeliharaan warisan budaya dan pengajaran sejarah Melayu-Brunei dalam pelbagai peringkat.

Kata kunci: *Silsilah raja-raja Brunei*, sejarah Brunei, historiografi Melayu, legitimasi kuasa, Islamisasi

Abstract

This study aims to identify and analyse the characteristics of Malay historiography in the Silsilah Raja-Raja Brunei in order to establish its standing as a work of Malay historiography. The manuscript does not merely serve as a reference for the genealogical lineage of Brunei's sultans, but also plays a significant role in constructing political legitimacy, disseminating religious values, and shaping the cultural identity of Bruneian society. This study employs library-based research and virtual library methods to gather relevant reference sources, alongside textual analysis of Manuscript A and Manuscript B as transliterated by Sweeney (1968). The analysis is guided by a framework of four principal characteristics proposed by Teuku Iskandar (1988) and Harun Mat Piah et al. (2006), namely the origins of the ruler, the royal genealogical lineage, the founding of the state, and the arrival and development of Islam. The findings demonstrate that both manuscripts fulfil all four characteristics, affirming that they constitute a work of Malay historiography richly embedded with historical, political, religious, and cultural dimensions within the literary heritage of the Nusantara. As such, this study holds significance not only academically, but also in terms of its broader implications for cultural heritage preservation and the teaching of Malay-Bruneian history across various levels.

Keywords: Silsilah Raja-Raja Brunei, Brunei history, Malay historiography, political legitimacy, Islamisation

PENGENALAN

Silsilah Raja-raja Brunei merupakan naskhah penting dan bernilai tinggi dalam konteks sejarah dan kebudayaan Negara Brunei Darussalam. Menurut Siti Hawa Haji Salleh (1989), *Silsilah Raja-raja Brunei* berperanan besar untuk meletakkan kedudukan Brunei setanding dengan kerajaan Melayu lain di Nusantara. Naskhah ini memuatkan catatan yang terperinci mengenai asal usul dan jurai keturunan raja-raja Brunei sejak zaman awal pemerintahan, sekali gus memperlihatkan kesinambungan institusi beraja sebagai tonggak pemerintahan dan kedaulatan negara. Selain merakamkan silsilah keturunan diraja, naskhah ini turut mengandungi kisah-kisah yang berkaitan dengan pembukaan negeri Brunei, perkembangan sistem pemerintahan dan peristiwa sejarah yang penting bagi membentuk identiti dan jati diri bangsa Brunei. *Silsilah Raja-raja Brunei* dianggap sebagai satu daripada sumber utama yang amat berharga dalam kajian historiografi Melayu, khususnya untuk memahami struktur politik, budaya istana dan

sistem pewarisan kuasa dalam sejarah kesultanan Brunei. Pandangan ini turut disokong oleh Teuku Iskandar (1989) yang menganggap karya ini sebagai hasil historiografi tradisional yang dapat digunakan sebagai sumber sejarah, seperti *Syair Awang Semaun*, *Syair Rakis*, *Syair yang Di-Pertuan*, dan *Syair Perlembagaan*. Oleh itu, *Silsilah Raja-raja Brunei* wajar dianggap sebagai sebuah karya historiografi Melayu.

Karya historiografi Melayu merupakan naskhah atau tulisan tradisional yang mendokumentasikan sejarah, asal usul dan peristiwa penting yang berlaku dalam masyarakat Melayu, terutamanya yang berkaitan dengan institusi raja, negeri dan kerajaan. Tujuan naskhah ini ditulis oleh orang Melayu adalah untuk merakam, mengingati atau melegitimasikan sesuatu pemerintahan atau peristiwa sejarah dalam bentuk yang tersendiri (Branginsky, 1993). Pada lazimnya, historiografi Melayu memiliki beberapa ciri, iaitu gabungan fakta sejarah dan unsur sastera, yang bertujuan untuk mengangkat sesebuah pemerintahan; berfungsi sebagai wadah pengajaran yang berguna terhadap masyarakat; menggunakan unsur mitos atau legenda untuk menambah kehebatan cerita atau tokoh; bersifat berat sebelah yang berpihak terhadap sultan dan pihak istana; bersifat istana dan elit yang kisahnya berkisarkan golongan atasan; mengandungi unsur Hindu-Buddha; memberikan gambaran aspek sosial dan politik; serta memiliki tradisi penyalinan dan versi berbeza. Menurut Teuku Iskandar (1988), teks atau ciri-ciri historiografi Melayu dapat dibahagikan pada beberapa bahagian, iaitu asal usul raja-raja (*myth of origin*), pembukaan negeri, kemasukan agama Islam, silsilah raja-raja sebelum masa pengarang dan pemerintahan raja pada masa pengarang.

KAJIAN LEPAS

Silsilah Raja-raja Brunei menarik perhatian sarjana untuk melakukan kajian daripada pelbagai perspektif, khususnya dalam bidang sejarah, baik pada peringkat nasional atau peringkat antarabangsa. Siti Hawa Haji Salleh (1995) mengkaji dua manuskrip *Silsilah Raja-raja Brunei* yang diterbitkan oleh Amin Sweeney, iaitu Manuskrip A dan Manuskrip B, dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks dan membandingkan kedua-dua naskhah ini. Beliau mendapati bahawa terdapat beberapa perbezaan yang ketara antara kedua-dua manuskrip ini dari segi bentuk dan gaya penulisan. Menurut pengkaji ini, Manuskrip A lebih bersifat ringkas dan padat, serta menyerupai dokumen sejarah rasmi yang menekankan pencatatan fakta, khususnya yang berkaitan dengan silsilah dan peristiwa penting dalam pemerintahan. Sebaliknya, Manuskrip B memperlihatkan gaya penulisan

yang lebih bersifat naratif dan deskriptif, dengan penyampaian yang hampir menyerupai *Sejarah Melayu* dan karya-karya historiografi tradisional Melayu yang lain dengan menggabungkan unsur sejarah dan sastra. Berdasarkan kajian yang dilakukan, beliau menyimpulkan bahawa *Silsilah Raja-raja Brunei* merupakan dokumen sejarah penting yang mencerminkan struktur pemerintahan, legitimasi kuasa dan kesinambungan tradisi politik dalam kesultanan Brunei.

Fatimah Pengiran Hassan (2010) meneliti manuskrip *Silsilah Raja-raja dalam Brunei* (MS Teks A) dengan memberikan tumpuan terhadap adat istiadat dan budaya pemikiran masyarakat Brunei menggunakan pendekatan filologi. Di samping itu, Fatimah turut membandingkannya dengan *Silsilah Raja-raja Brunei* suntingan Amin Sweeney. Dapatan kajian menunjukkan bahawa naskhah tersebut memaparkan pelbagai adat istiadat, seperti upacara menobat raja, mengarak pembesar diraja dan adat kematian pembesar, selain menggambarkan budaya pemikiran masyarakat melalui unsur spiritual, serta penggunaan peralatan dan perhiasan dalam majlis rasmi. Kajian tersebut juga mendapati bahawa adat dan budaya yang digambarkan masih berterusan diamalkan hingga kini dengan beberapa penyesuaian mengikut zaman dan kehendak Islam. Selain itu, Fatimah mendapati bahawa terdapat persamaan yang jelas antara Ms Teks A dan versi Amin Sweeney dari segi isi kandungan, struktur ayat, susur galur raja, adat istiadat, serta unsur mitos dan legenda yang menunjukkan kesinambungan tradisi historiografi dan budaya pemikiran Melayu Brunei.

Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah (2016) turut mengkaji *Silsilah Raja-raja Brunei* dengan menggunakan kaedah analisis teks. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap hubungan antara Kesultanan Brunei dengan kuasa-kuasa luar berdasarkan beberapa versi manuskrip utama, seperti Manuskrip A, Manuskrip B, serta naskhah *Sejarah Brunei* dan versi yang disimpan di Pusat Sejarah Brunei. Kajian ini mendapati bahawa *Silsilah Raja-raja Brunei* berfungsi sebagai sumber penting yang memperlihatkan jaringan hubungan politik, ekonomi dan budaya Brunei dengan kuasa luar, seperti Majapahit, China, Johor dan Aceh. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan ini terbentuk melalui pelbagai medium, seperti perkahwinan, Islamisasi, peperangan, perdagangan, diplomasi, serta pertukaran hadiah dan ufti, sekali gus mencerminkan kedudukan Brunei sebagai sebuah kerajaan Melayu Islam yang kuat dan berpengaruh pada suatu ketika dahulu. Selain itu, *Silsilah Raja-raja Brunei* turut menggambarkan zaman kegemilangan Brunei sebagai kuasa besar serantau yang memiliki pengaruh luas di Borneo dan kawasan sekitarnya

di bawah pemerintahan sultan-sultan tertentu yang memperlihatkan kemuncak kekuasaan dan keagungan Kesultanan Brunei.

Sementara itu, Gallop (2019) meneliti naskhah *Silsilah Raja-raja Brunei* milik Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim dengan menggunakan pendekatan filologi dan kaedah analisis teks. Kajian ini memberikan tumpuan terhadap kandungan genealogi, peristiwa sejarah utama, serta aspek material dan parateks manuskrip, seperti marginalia dan azimat. Kajian ini membincangkan susur galur raja-raja Brunei dan peristiwa penting, seperti serangan Sepanyol dan konflik politik yang mencetuskan perang saudara antara Sultan Abdul Mubin dengan Sultan Muhyiuddin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa manuskrip ini mengandungi beberapa elemen unik yang tidak terdapat dalam versi lain, khususnya catatan tarikh kemangkatan Sultan Muhammad Ali yang dianggap sebagai antara rujukan terawal dalam historiografi Brunei. Selain itu, manuskrip ini turut memperincikan pembahagian masyarakat Brunei kepada kelompok “Raja Pulau” dan “Raja Brunei” yang berpunca daripada konflik tersebut, sekali gus mencerminkan kesinambungan perpecahan sosial dan politik dalam jangka panjang. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa naskhah silsilah berfungsi sebagai wahana penting bagi membina naratif legitimasi kuasa, identiti dan struktur sosial dalam tradisi historiografi Brunei.

Gallop (2021) juga mengkaji *Silsilah Raja-raja Brunei* dengan menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan kajian manuskrip dan analisis teks. Kajian ini menumpukan pada variasi manuskrip, struktur kandungan dan perkembangan naskhah tersebut dalam historiografi Brunei. Gallop (2021) mendapati bahawa *Silsilah Raja-raja Brunei* bukanlah sebuah naskhah yang seragam, sebaliknya terdiri daripada pelbagai versi manuskrip yang mengandungi gabungan elemen silsilah (genealogi), adat dan hikayat. Perbezaan kandungan antara manuskrip, termasuklah penambahan atau penguguran maklumat tertentu menunjukkan bahawa naskhah ini bersifat dinamik dan dipengaruhi oleh konteks politik serta sosial semasa. Selain itu, unsur genealogi dalam *Silsilah Raja-raja Brunei* didapati berperanan penting dalam legitimasi kuasa dan hak pewarisan. Perkara ini memperlihatkan bahawa *Silsilah Raja-raja Brunei* mempunyai fungsi sosial dan politik yang signifikan dalam kalangan masyarakat Brunei.

Amer Hudhaifah Hamzah et al. (2025) meneliti sebuah versi manuskrip *Silsilah Raja-raja Brunei* yang dikenali sebagai MS 932, iaitu salinan foto daripada koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Kajian ini menggunakan pendekatan filologi melalui kaedah penyuntingan teks, transliterasi dan perbandingan teks dengan manuskrip MS 123 yang

disunting oleh Amin Sweeney. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun kandungan MS 932 hampir sama dengan MS 123, terdapat beberapa variasi penting, seperti perbezaan nama tokoh, susunan maklumat dan penambahan dan pengurangan kandungan yang memberikan bacaan alternatif terhadap sejarah Kesultanan Brunei. Kajian ini turut menjelaskan bahawa manuskrip tersebut mengandungi salasilah raja-raja Brunei; sejarah perkembangan kerajaan; hubungan Brunei dengan wilayah lain; seperti Sabah, Sarawak dan Sambah; serta peristiwa penting seperti Perang Kastila dan Perang Saudara Brunei. Kajian ini berjaya membuktikan kepentingan MS 932 sebagai sumber sejarah dan manuskrip perbandingan yang bernilai dalam usaha memahami tradisi penulisan salasilah Brunei.

Kajian yang lebih mendekati dan menyamai fokus kajian ini ialah kajian yang telah dilaksanakan oleh Maymunah dan Wirajaya (2020). Kajian ini meneliti naskhah *Silsilah Raja-raja dalam Brunei* (Ms Teks A) dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan analisis teks. Kajian ini memfokuskan pengenalanpastian unsur-unsur historiografi Islam yang terkandung dalam naskhah tersebut secara ringkas. Antara ciri yang memperlihatkan unsur historiografi Islam termasuklah istana-sentris, feodal-aristokratik, subjektiviti tinggi, tujuan melegitimasi pemerintahan raja, campuran unsur mitos dan realiti, serta hubungan sejarah Brunei dengan kerajaan-kerajaan Melayu lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa unsur historiografi tradisional Islam memang ditemui dalam naskhah ini. Beliau turut menyatakan bahawa naskhah ini merupakan sumber sejarah penting yang menggambarkan perkembangan Islam, silsilah kesultanan Brunei, adat istiadat dan sistem pemerintahan Melayu Islam Beraja. Walaupun naskhah ini mengandungi unsur tradisional yang cenderung untuk memuliakan institusi raja, kandungan mitosnya didapati lebih terhad berbanding dengan karya historiografi zaman Hindu-Buddha kerana pengaruh Islam yang kuat.

Dengan berdasarkan penelitian terhadap kajian terdahulu, dapat dilihat bahawa *Silsilah Raja-raja Brunei* merupakan sebuah karya historiografi yang sarat dengan pelbagai aspek, terutamanya melalui dua pendekatan utama, iaitu kajian filologi dan perbandingan manuskrip, seperti yang dilakukan oleh Siti Hawa Haji Salleh (1995), Fatimah Pengiran Hassan (2010) dan Amer Hudhaifah Hamzah et al. (2025), serta kajian berasaskan kandungan sejarah dan politik, seperti kajian Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah (2016) dan Gallop (2019, 2021). Kajian yang paling memfokuskan penyelidikan ini ialah Maymunah dan Wirajaya (2020) yang berjaya mengenal pasti kehadiran unsur historiografi Islam dalam naskhah tersebut, namun kajian ini hanya pada tahap pengenalanpastian ciri-ciri secara deskriptif

tanpa menghuraikan secara mendalam fungsi, peranan dan manifestasi ciri-ciri tersebut dalam keseluruhan naratif naskhah. Oleh itu, berbeza daripada kajian-kajian lepas yang menggunakan naskhah ini semata-mata sebagai sumber sejarah, kajian ini mendekatinya sebagai objek kajian historiografi dengan membuktikan secara sistematik bahawa *Silsilah Raja-raja Brunei* ialah sebuah karya historiografi Melayu berdasarkan analisis terhadap ciri-ciri, fungsi dan amalan penulisan sejarah Melayu-Islam yang terkandung dalam keseluruhan naratifnya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan pustaka maya bagi memperoleh maklumat serta bahan rujukan yang berkaitan dengan *Silsilah Raja-raja Brunei* dan bidang historiografi Melayu. Kaedah kepustakaan melibatkan penelitian terhadap sumber bercetak, seperti buku, jurnal dan manuskrip, manakala pustaka maya pula merujuk penggunaan sumber digital, seperti e-jurnal dan pangkalan data dalam talian yang diyakini. Penggunaan kedua-dua kaedah ini membolehkan untuk mendapatkan sumber yang berkaitan, sahih, dan menyeluruh. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah analisis teks dengan menumpukan kepada dua naskhah *Silsilah Raja-raja Brunei* yang telah ditransliterasi dan diterbitkan oleh Sweeney (1968). Transliterasi ini dikenali sebagai Manuskrip A dan Manuskrip B.

Manuskrip A merupakan hasil transliterasi daripada naskhah MS. No. 25032 yang tersimpan di Perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS), London. Manuskrip ini merupakan sebahagian daripada koleksi yang disumbangkan oleh Sir Richard Winstedt. Dengan berdasarkan keterangan Sweeney (1968), manuskrip ini terdiri daripada 59 folio berukuran 24 × 16 cm. Teks ditulis dengan purata 15 baris tulisan Jawi pada setiap halaman menggunakan tulisan tangan yang seragam dan kemas. Manuskrip ini ditulis pada kertas bertepi kasar dan dijilid bersama MS. No. 25031. Sistem penomboran folionya menunjukkan pembetulan oleh tangan kemudian bagi menyelaraskan nombor recto dan verso. Secara keseluruhan, manuskrip ini berada dalam keadaan fizikal yang baik dan tersusun, serta merupakan salinan teks yang lengkap. Sementara itu, Manuskrip B pula berasal daripada naskhah MS. No. 123 yang tersimpan di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London. Manuskrip ini juga merupakan koleksi sumbangan Sir Richard Winstedt. Berdasarkan keterangan Sweeney (1968), manuskrip ini ditulis dalam sebuah buku nota Eropah berukuran 21 × 16 cm. Daripada keseluruhan naskhah tersebut, 28 folio digunakan untuk

penulisan teks, manakala selebihnya dibiarkan kosong. Teks bermula pada folio 1V dan berakhir pada folio 28r, dengan setiap halaman mengandungi sekitar 22 baris berpandu. Penyalin turut menggunakan ruang kosong untuk menandakan pemisahan perenggan. Manuskrip ini tidak mempunyai sistem penomboran halaman yang lengkap dan tidak menunjukkan penggunaan rubricasi, namun keadaan fizikalnya masih stabil sebagai sebuah salinan teks.

Pemilihan Manuskrip A dan Manuskrip B sebagai bahan kajian utama adalah berasaskan kedudukannya sebagai antara versi *Silsilah Raja-raja Brunei* yang paling lengkap, sistematik dan berautoriti dalam tradisi penyalinan teks tersebut. Berbanding dengan beberapa versi lain yang hanya memuatkan sebahagian maklumat atau mempunyai kandungan yang lebih ringkas, kedua-dua naskhah ini menghimpunkan silsilah raja-raja, peristiwa sejarah, adat istiadat dan maklumat pemerintahan secara lebih menyeluruh. Oleh sebab itu, kedua-duanya menjadi sumber rujukan utama dalam pengkajian sejarah dan historiografi Brunei. Pemilihan naskhah ini amat bersesuaian dengan objektif kajian kerana kandungannya yang lengkap membolehkan analisis terhadap ciri-ciri historiografi Melayu dilakukan dengan lebih mendalam dan komprehensif. Memandangkan data kajian ini berbentuk teks manuskrip, kaedah analisis teks merupakan pendekatan yang paling sesuai untuk digunakan. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneliti kandungan, struktur naratif dan gaya penyampaian yang teratur.

Seterusnya, data yang diperolehi daripada kedua-dua manuskrip akan dikenal pasti, dikumpulkan dan dikategorikan mengikut ciri-ciri historiografi Melayu. Menurut Teuku Iskandar (1988), historiografi Melayu lazimnya merangkumi beberapa komponen utama, iaitu asal usul raja-raja (myth of origin), pembukaan negeri, kemasukan agama Islam, salasilah raja-raja sebelum zaman pengarang, serta pemerintahan raja yang sezaman dengan pengarang. Selaras dengan pandangan tersebut, Harun Mat Piah et al. (2006) menjelaskan bahawa karya sastera sejarah Melayu tradisional lazimnya memuatkan unsur asal usul raja, jurai keturunan raja, pembukaan negeri, serta kisah kedatangan dan perkembangan Islam. Unsur-unsur tersebut berfungsi sebagai wadah untuk memperkukuh legitimasi pemerintahan dan merakam sejarah sesebuah kerajaan. Berdasarkan perbandingan ciri-ciri historiografi Melayu yang dikemukakan oleh Teuku Iskandar (1988) dan Harun Mat Piah et al. (2006), kajian ini mengenal pasti empat ciri utama yang sesuai dijadikan kerangka analisis, iaitu asal-usul raja, salasilah keturunan raja, pembukaan negeri, serta kedatangan dan perkembangan agama Islam. Melalui analisis ini, kajian dapat menilai kedudukan naskhah tersebut sebagai sebuah karya historiografi Melayu secara lebih sistematik.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa *Silsilah Raja-raja Brunei*, versi Manuskrip A dan Manuskrip B, memenuhi keempat-empat ciri-ciri historiografi Melayu sebagaimana yang dikemukakan oleh Teuku Iskandar (1988) dan Harun Mat Piah et al. (2006), iaitu asal usul raja, salasilah keturunan raja, pembukaan negeri, serta kedatangan dan perkembangan agama Islam.

Asal Usul Raja

Karya historiografi Melayu lazimnya memuatkan peristiwa yang berkaitan dengan asal usul raja yang berfungsi untuk menjelaskan keturunan, kedudukan dan legitimasi pemerintahan seseorang pemerintah. Kisah asal usul raja pada kebiasaannya sering kali disulam dengan unsur mitos atau sakral sebagai ciri naratif utama dalam tradisi penulisan sejarah Melayu, selaras dengan fungsi naskhah sebagai alat legitimasi kuasa yang bertujuan untuk mengangkat martabat dan kewibawaan institusi kesultanan (Siti Hawa Haji Salleh, 1993). Namun begitu, apabila melihat kepada kedua-dua naskhah *Silsilah Raja-raja Brunei*, kisah asal usul raja Brunei yang pertama tidak mengandungi unsur mitos atau sakral.

Maka yang pertama kerajaan dan membawa agama Nabi Muhammad s.a.w. dalam negeri Berunai, ialah mengeraskan agama Islam dan iaitu Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad.

(Manuskrip A, 1968, hlm. 14)

Bermula pada zaman Awang Khalak Betatar menjadi raja di dalam Berunai. Lagi kafir di dalam Berunai.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 51)

Melalui petikan-petikan tersebut, Manuskrip A memberikan gambaran asal usul sultan Brunei pertama dengan ringkas. Manuskrip A menyatakan bahawa sultan Brunei yang pertama ialah Sultan Muhammad, yang dikatakan membawa agama Islam ke Brunei bersama-sama dengan saudaranya, iaitu Sultan Ahmad. Sementara itu, dalam Manuskrip B pula ada diceritakan tentang asal usul Sultan Muhammad dengan lebih lanjut. Manuskrip B mendedahkan bahawa Sultan Muhammad pada asalnya dikenali sebagai Awang Khalak Betatar, iaitu nama baginda sebelum memeluk agama Islam. Hal ini memperlihatkan bahawa sultan Brunei yang pertama pada mulanya tidak beragama Islam, dan kerajaan Brunei pada masa itu juga belum

menganut Islam secara rasmi. Kedua-dua petikan ini menggambarkan bahawa Sultan Muhammad bukanlah seorang susuk mitos atau tokoh yang dilahirkan dengan keistimewaan luar biasa, sebaliknya seorang individu ataupun pemerintah yang melalui proses transformasi agama sebelum mendapat pengiktirafan sebagai pemerintah yang sah dan legitimasi kuasa yang lebih kukuh. Hal ini memperlihatkan kecenderungan kedua-dua naskhah ini untuk lebih menumpukan aspek dokumentasi keturunan dan legitimasi kuasa berbanding dengan penceritaan berunsur mitos bagi menggambarkan sultan Brunei yang pertama.

Berbeza dengan Sultan Muhammad yang digambarkan secara realistik dan tidak mengandungi unsur luar biasa, kisah dua orang sultan berikutnya, iaitu Sultan Ahmad dan Sultan Sharif Ali memperlihatkan perubahan ketara dalam gaya naratif. Unsur mitos, sakral dan legenda mula hadir sebagai elemen penting dalam pembentukan legitimasi mereka.

Sultan Ahmad

Menurut sejarah rasmi, sultan Brunei kedua ialah Sultan Ahmad, iaitu saudara kepada Sultan Muhammad. Namun begitu, penelitian terhadap kedua-dua naskhah yang dikaji mendedahkan bahawa Manuskrip B memperlihatkan gambaran yang berbeza, khususnya dari segi hubungan kekeluargaan Sultan Ahmad dengan Sultan Muhammad serta asal usul baginda.

Maka yang pertama kerajaan dan membawa agama Nabi Muhammad s.a.w. dalam negeri Berunai, ialah mengeraskan agama Islam dan iaitu Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad.

(Manuskrip A, 1968, hlm. 14)

Adapun pada zaman itu, Awang Khalak Betatar (5) jadi sultan, namanya Sultan Muhammad. Maka sultan itu beranak seorang perempuan, terlalu elok rupanya puteri itu. Kemudian tiada berapa lamanya, maka meminanglah Ong Sum Peng akan tuan puteri itu. Maka diterimalah oleh Sultan Muhammad akan pinangan Ong Sum Peng itu, lalulah dikahwinkannya sebagai- mana mengikut istiadat raja yang kerajaan. Maka dengan tiada berapa kelamaannya, beranaklah isteri Ong Sum Peng itu, seorang perempuan, terlalulah baik rupanya. Kemudian, telah dilihat oleh Sultan Muhammad akan menantunya itu baik bicharanya, maka diberikannyalah kerajaan itu kepada menantunya Ong Sum Peng, lalu digalarnya, dinamai Sultan Ahmad; ialah sultan yang kedua di dalam negeri Berunai.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 53-54)

Dengan berdasarkan petikan-petikan tersebut, jelas dapat dilihat bahawa Manuskrip A menyebut Sultan Ahmad sebagai saudara kepada Sultan Muhammad. Sebaliknya, Manuskrip B pula mengatakan bahawa Sultan Ahmad merupakan menantu kepada Sultan Muhammad yang bernama Ong Sum Peng. Petikan “maka diberikannyalah kerajaan itu kepada menantunya, Ong Sum Peng, lalu digalarnya, dinamai Sultan Ahmad” memperlihatkan penyerahan takhta kerajaan Brunei daripada Sultan Muhammad kepada Ong Sum Peng. Setelah menaiki takhta, Ong Sum Peng lalu dikenali sebagai Sultan Ahmad. Penelitian lebih lanjut mendapati bahawa perlantikan Ong Sum Peng sebagai sultan dalam Manuskrip B sebenarnya bertentangan dengan adat istiadat pengangkatan raja. Adat istiadat menetapkan bahawa takhta hendaklah dipindahkan atau diturunkan kepada adik-beradik atau saudara sultan yang gahara sekiranya sultan mangkat tanpa meninggalkan putera. Dalam konteks ini, pewaris yang lebih sah sepatutnya ialah Pateh Berbai, adik Sultan Muhammad Shah yang juga memegang jawatan Bendahara (Mohd. Jamil Al-Sufri, 2006). Oleh itu, naratif Manuskrip B ini berkemungkinan besar merupakan satu strategi naratif yang bertujuan untuk memberikan legitimasi politik dan simbolik terhadap hubungan Brunei-China melalui watak Ong Sum Peng, bukannya rakaman sejarah yang tepat.

Walaupun kesahihan sejarah naratif Ong Sum Peng dipersoalkan, kehadirannya dalam Manuskrip B tetap signifikan dari sudut analisis historiografi kerana melalui tokoh inilah unsur mitos dan legenda mula meresap masuk dalam naratif asal usul raja-raja Brunei. Dalam bahagian tertentu Manuskrip B sebelum ini, ada menceritakan asal usul Ong Sum Peng. Ong Sum Peng merupakan salah seorang pembesar China yang diperintahkan untuk mendapatkan kemala naga. Kemala naga tersebut dipercayai memiliki kuasa luar biasa yang dapat mengukuhkan kedudukan pemerintahan serta menjamin kestabilan sesebuah negara.

Sebermula kepada masa itu adalah raja China menyuruh dua orang menteri-nya kesebelah Berunai ini mengambil kemala naga yang diatas bukit China Balu. Ada pun seorang menteri yang tua bernama Ong Bong Kong, dan menteri yang kedua bernama Ong Sum Peng. Maka banyaklah ra'yat menteri kedua itu, China, habis dimakan oleh naga jua dapat kemalanya. Daripada itulah maka bukit itu di- (3) namakan Bukit China Balu, sebab banyak / China mati disana.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 52)

Petikan tersebut memperlihatkan kisah Raja China yang telah mengarahkan dua orang menterinya, iaitu Ong Bong Kong dan Ong Sum

Peng, untuk mendapatkan kemala naga di Bukit China Balu, Brunei. Kewujudan naga dan kemala naga dalam petikan ini merupakan unsur mitos yang lazim dalam historiografi Melayu. Kemala naga tidak hanya dilihat sebagai objek fizikal, sebaliknya berfungsi sebagai simbol legitimasi kuasa pemerintah. Hal ini selaras dengan pandangan Puteh Noraihan dan Zahir Ahmad (2017) yang mengatakan bahawa pemilikan objek-objek sakral merupakan simbol penting bagi mengesahkan kekuasaan dan kebesaran seorang pemerintah dalam kepercayaan masyarakat Melayu tradisional.

Seterusnya, turut diceritakan mengenai pengembaraan dan usaha luar biasa yang dilakukan oleh Ong Sum Peng untuk mendapatkan kemala naga tersebut. Kisah ini dipenuhi dengan cabaran-cabaran yang dapat diselesaikan dengan muslihat dan kepintaran.

Kemudian dalam hal pekerjaan kedua China itu sangatlah susah memikirkan akan mendapat kemala itu. Oléh demikian maka keluarlah ‘akal seorang menteri yang kedua, yang ber- nama Ong Sum Peng; ialah mengeluarkan pikiran maka dapat kemala itu. Ada pun diperbuatnya peti kacha seperti kandil; ditarohnya didalam kacha itu dian yang besar. Dan diperbuatnya lagi dedaran iaitu kikék. Maka pada tatkala itu dijaga- nya itu naga menchari makannya. Apabila naga itu turun menchari makan, Ong Sum Peng pun naik diatas kikék itu serta membawa peti kacha itu. Maka apabila sampai ianya diatas bukit itu, maka diletakkannya peti kacha itu yang berdian chu- kup terangnya. Maka / kemala itu pun diambilnya lalu ia naik diatas kikék itu lalu ditarék oléh orang2nya, sampailah selamat Ong Sum Peng itu kedalam wangkang- nya berserta kemala yang dapat.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 52)

Maka naga itu pun semakin dakat oléh terlalu sangat lajunya bERNANANG itu. Maka apabila dilihat oléh Ong Sum Peng naga itu su- dah hampir wangkang kedua buah itu, maka menteri itu pun naik kewangkang (4) Ong Bong Kong, tiada lagi terkiraz sebab ketakutan. Maka / keluarlah ‘akal Ong Sum Peng membakarkan besi macham piluru, dibakarnya méraha. Apabila sahaja dekat naga itu dingangakannya mulutnya hendak menangkap wangkang itu; dalam itu dibuanginya mulut naga itu sebiji’ dua biji’ besi itu, kiraz dua tiga puluh biji’ besi itu ditalannya. Maka ia pun lemah bERNANANG lalu ia tenggalam lalu mati.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 53)

Petikan pertama memperlihatkan kecerdikan Ong Sum Peng untuk mendapatkan kemala naga. Baginda telah membuat peti kaca berlilin yang menyerupai cahaya kemala naga bagi mengelirukan naga tersebut, lalu

mengambil kemala itu dengan menaiki *kikik* semasa naga turun mencari makan. Petikan kedua pula memperlihatkan keberanian baginda apabila naga mengejar dan cuba menyerang. Berbeza dengan Ong Bong Kong yang dilumpuhkan oleh rasa takut, Ong Sum Peng bertindak pantas dengan melemparkan besi panas ke dalam mulut naga sehingga ia tewas tenggelam ke dalam laut. Unsur legenda dalam kedua-dua petikan ini terserlah melalui penggambaran seekor naga yang boleh dikalahkan oleh manusia, kemala yang bersinar laksana cahaya suci, serta keupayaan luar biasa Ong Sum Peng yang mengetengahkan peristiwa dan kemampuan yang melampaui batas kebiasaan manusia. Jika dilihat dari perspektif lain, kisah ini sebenar tidak hanya tentang mendapatkan kemala naga semata-mata, tetapi berfungsi sebagai naratif legenda yang memperlihatkan bahawa Ong Sum Peng sudah memiliki sifat-sifat seorang pemimpin yang baik sebelum baginda menjadi Sultan Ahmad. Dengan kata lain, Manuskrip B cuba memperlihatkan bahawa kesahihan kuasa Sultan Ahmad dibina bukan melalui keturunan raja, tetapi melalui pembuktian kehebatan diri, iaitu suatu perkara yang biasa ditemui dalam penulisan sejarah Melayu tradisional.

Sultan Sharif Ali

Walaupun dalam Manuskrip A dan Manuskrip B tidak ada menyentuh ataupun mengaitkan asal usul sultan Brunei yang pertama dengan unsur-unsur mitos ataupun sakral, terdapat tokoh penting dalam sejarah Brunei yang dikaitkan dengan unsur tersebut, iaitu Sultan Sharif Ali. Baginda merupakan menantu kepada Sultan Ahmad yang dipercayai berasal daripada keturunan Nabi Muhammad SAW. Perkara ini ada disebutkan dalam Manuskrip A dan Manuskrip B.

Maka Sharif ‘Ali itu pan-char² silsilah daripada Amiru’l-Mu’minin Hasan, chuchu Rasulu’Llah, s.a.w.

(Manuskrip A, 1968, hlm. 11-12)

Maka tiada berapa lama’nya, ma-soklah seorang bangsa ‘Arab yang bernama Sharif ‘Ali Bilfakih kedalam Berunai, yang turun dari negeri Ta’if. Adalah sharif itu panchir daripada Amirul Mu’minin Hasan, chuchu Rasulu’Llah s.a.w.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 54)

Kedua-dua petikan tersebut memperlihatkan bahawa Sultan Sharif Ali merupakan keturunan Nabi Muhammad SAW melalui Amirul Muminin Hasan, iaitu cucu kepada Rasulullah SAW. Penceritaan mengenai asal

usul keturunan raja-raja seperti ini sering kali digunakan dalam tradisi historiografi Melayu untuk memberikan legitimasi spiritual kepada pemerintahan, menonjolkan hubungan istimewa antara institusi raja dengan agama, Islam serta memperkukuh wibawa politik raja dalam kalangan rakyat dan wilayah taklukan. Jika merujuk naratif rasmi Negara Brunei Darussalam, Sultan Sharif Ali memang merupakan keturunan Nabi Muhammad SAW melalui jalur Sayidina Hasan bin Ali r.a., cucu Rasulullah SAW. Perkara ini memperkukuh lagi kedudukan baginda sebagai seorang pemerintah yang memiliki latar belakang yang luar biasa dan dianggap suci. Perkara ini pernah dibincangkan oleh Sanib Said (1988) yang menyatakan bahawa tokoh pemerintah sering diberikan ciri-ciri keistimewaan dalam penulisan historiografi Melayu kerana silsilah dan sejarah diraja dipandang sebagai unsur penting yang berfungsi sebagai asas pengesahan sesebuah kerajaan. Oleh itu, penghubungan keturunan Sultan Sharif Ali dengan Nabi Muhammad SAW merupakan sebahagian daripada amalan penulisan historiografi Melayu yang lazim dalam usaha memperkukuh legitimasi dan kedudukan institusi pemerintahan.

Salasilah Keturunan Raja

Karya historiografi banyak memuatkan kisah ataupun catatan mengenai raja-raja Melayu dan kehidupan di istana, termasuklah *Silsilah Raja-raja Brunei*. Perkara ini sejajar dengan pandangan Braginsky (2004) yang menyatakan bahawa kebanyakan karya historiografi Melayu menampilkan naratif asal usul kerajaan, legitimasi pemerintahan, serta peranan raja sebagai pusat kuasa dalam masyarakatnya. Dalam konteks *Silsilah Raja-raja Brunei*, ciri ini jelas terpancar melalui penyenaraian nama-nama Sultan Brunei secara berturutan. Penyenaraian ini berfungsi sebagai rekod keturunan bagi membuktikan kesinambungan dan kesahihan pemerintahan kesultanan Brunei daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya.

Jadual 1 Senarai Sultan-Sultan Brunei menurut urutan dalam Manuskrip A dan Manuskrip B.

Bil.	Manuskrip A	Manuskrip B	Tahun Memerintah
1.	Sultan Muhammad Shah	Sultan Muhammad Shah	(1363–1402)
2.	Sultan Ahmad	Sultan Ahmad	(1408–1425)
3.	Sultan Sharif Ali	Sultan Sharif Ali	(1425–1432)

sambungan **Jadual 1** Senarai Sultan-Sultan Brunei menurut urutan dalam Manuskrip A dan Manuskrip B.

Bil.	Manuskrip A	Manuskrip B	Tahun Memerintah
4.	Sultan Sulaiman	Sultan Sulaiman	(1432–1485)
5.	Sultan Bolkiah	Sultan Bolkiah	(1485–1524)
6.	Sultan Abdul Kahar	Sultan Abdul Kahar	(1524–1530)
7.	Sultan Saiful Rizal	Sultan Saiful Rizal	(1533–1581)
8.	Sultan Shah Brunei	Sultan Shah Brunei	(1581–1582)
9.	Sultan Muhammad Hasan	Sultan Muhammad Hasan	(1582–1598)
10.	Sultan Abdul Jalilul Akbar	Sultan Abdul Jalilul Akbar	(1598–1659)
11.	Sultan Abdul Jalilul Jabbar	Sultan Abdul Jalilul Jabbar	(1659–1660)
12.	Sultan Muhammad Ali	Sultan Muhammad Ali	(1660–1661)
13.	Sultan Muhyiddin	Sultan Muhyiddin	(1673–1690)
14.	Sultan Abdul Hakkul Mubin	Sultan Abdul Hakkul Mubin	(1661–1673)
15.	Sultan Nasruddin	Sultan Nasruddin	(1690–1710)
16.	Sultan Husin Kamaluddin	Sultan Husin Kamaluddin	(1710–1730) (1737–1740)
17.	Sultan Muhammad Alauddin	Sultan Muhammad Alauddin	(1730–1737)
18.	Sultan Omar Ali Saifuddien I	Sultan Omar Ali Saifuddien I	(1740–1795)
19.	Sultan Muhammad Tajuddin	Sultan Muhammad Tajuddin	(1795–1804) (1804–1807)
20.	Sultan Muhammad Jamalul Alam I	Sultan Muhammad Jamalul Alam I	(1804)
21.	-	Sultan Muhammad Kanzul `Alam	(1807–1826)
22.	-	Sultan Muhammad Alam	(1826–1828)
23.	-	Sultan Omar Ali Saifuddin II	(1828–1852)
24.	-	Sultan Abdul Momin	(1852–1885)

sambungan **Jadual 1** Senarai Sultan-Sultan Brunei menurut urutan dalam Manuskrip A dan Manuskrip B.

Bil.	Manuskrip A	Manuskrip B	Tahun Memerintah
25.	-	Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin	(1885–1906)
26.	-	Sultan Muhammad Jamalul Alam II	(1906–1924)
27.	-	Sultan Ahmad Tajuddin	(1924–1950)

Dengan berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat terdapat sekitar 20 orang Sultan Brunei yang direkodkan dalam Manuskrip A, bermula daripada Sultan Muhammad Shah selaku Sultan Brunei pertama hingga Sultan Muhammad Jamalul Alam sebagai Sultan Brunei ke-20. Sementara itu, Manuskrip B mencatatkan jumlah yang lebih banyak, iaitu sekitar 27 orang Sultan Brunei, bermula dengan Sultan Muhammad Shah sebagai Sultan Brunei pertama dan berakhir dengan Sultan Ahmad Tajuddin sebagai Sultan Brunei ke-27. Perbezaan ini menunjukkan bahawa Manuskrip B memuatkan kesinambungan salasilah pemerintahan yang lebih panjang berbanding dengan Manuskrip A. Pada masa yang sama, keadaan ini turut memberikan petunjuk bahawa Manuskrip A merupakan naskhah yang lebih awal, memandangkan kandungannya berakhir pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam, manakala Manuskrip B telah memasukkan peristiwa dan perkembangan yang berlaku selepas tempoh tersebut. Oleh itu, perbezaan jumlah sultan yang direkodkan dalam kedua-dua manuskrip memperlihatkan wujudnya variasi kandungan dan kesinambungan tradisi penyalinan teks, khususnya dari aspek pengemaskinian serta peluasan maklumat berkaitan dengan salasilah pemerintahan Brunei. Hal ini disokong oleh Teuku Iskandar (1995) yang menyatakan bahawa variasi antara versi-versi sesebuah naskhah historiografi Melayu merupakan sesuatu yang lumrah, dan sering kali mencerminkan keperluan semasa pada zaman naskhah tersebut disalin atau dikemas kini.

Seterusnya, dalam *Silsilah Raja-raja Brunei* turut menekankan kesinambungan kuasa dan warisan diraja Brunei yang diturunkan secara turun temurun daripada Sultan Muhammad Shah kepada sultan-sultan berikutnya.

Dengan berdasarkan jadual tersebut, dapat dikenal pasti bahawa asas pewarisan takhta kesultanan Brunei secara umumnya berpaksikan kepada

Jadual 2 Senarai Sultan, Silsilah dan Pelantikan.

Bil.	Nama Sultan	Silsilah dan Pelantikan
1.	Sultan Muhammad Shah	Perlantikan Manuskrip A - adik beradik Sultan Muhammad Shah; keturunan
2.	Sultan Ahmad	Manuskrip B - Menantu Sultan Muhammad iaitu Ong Sum Peng ; perkahwinan strategik
3.	Sultan Sharif Ali	Menantu Sultan Ahmad; perkahwinan strategik
4.	Sultan Sulaiman	Anak Sultan Sharif ‘Ali; keturunan
5.	Sultan Bolkiah	Anak Sultan Sulaiman; keturunan
6.	Sultan Abdul Kahar	Anak Sultan Bolkiah; keturunan
7.	Sultan Saiful Rizal	Anak Sultan Abdul Kahar; keturunan
8.	Sultan Shah Brunei	Anak Sultan Saiful Rizal; keturunan
9.	Sultan Muhammad Hasan	Adik beradik Sultan Shah Brunei; keturunan
10.	Sultan Abdul Jalilul Akbar	Anak Sultan Hasan; keturunan
11.	Sultan Abdul Jalilul Jabbar	Anak Sultan Abdul Jalilul Akbar; keturunan
12.	Sultan Muhammad Ali	Adik beradik Sultan Abdul Jalilul Jabbar dan Anak Sultan Muhammad Hassan; keturunan
13.	Sultan Muhyiddin	Anak saudara Sultan Muhammad Ali dan Anak Sultan Abdul Jalilul Akbar; keturunan dan perebutan kuasa
14.	Sultan Abdul Hakkul Mubin	Cucu Sultan Saiful Rizal; perebutan kuasa
15.	Sultan Nasruddin	Anak saudara Sultan Muhyiddin dan Cucu Sultan Abdul Jalilul Akbar; keturunan
16.	Sultan Husin Kamaluddin	Anak Sultan Muhammad Ali ; keturunan

sambungan **Jadual 2** Senarai Sultan, Silsilah dan Pelantikan.

Bil.	Nama Sultan	Silsilah dan Pelantikan
17.	Sultan Muhammad Alauddin	Cucu Sultan Muhyiddin; keturunan
18.	Sultan Omar Ali Saifuddien I	Anak Sultan Muhammad Alauddin; keturunan
19.	Sultan Muhammad Tajuddin	Anak Sultan Omar Ali Saifuddien I; keturunan
20.	Sultan Muhammad Jamalul Alam I	Anak Sultan Muhammad Tajuddin; keturunan
21.	Sultan Muhammad Kanzul Alam	Anak Sultan Omar Ali Saifuddin I; keturunan
22.	Sultan Muhammad Alam	Anak Sultan Muhammad Kanzul Alam; keturunan
23.	Sultan Omar Ali Saifuddin II	Anak Sultan Muhammad Jamalul Alam; keturunan
24.	Sultan Abdul Momin	Cucu Sultan Omar Ali Saifuddien I; keturunan
25.	Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin	Anak Sultan Omar Ali Saifuddin II; keturunan
26.	Sultan Muhammad Jamalul Alam II	Anak Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin; keturunan
27.	Sultan Ahmad Tajuddin	Anak Sultan Muhammad Jamalul Alam II; keturunan

tiga pola utama, iaitu keturunan langsung, perkahwinan strategik dan perebutan kuasa dalam kalangan kerabat diraja. Pola yang paling dominan ialah pewarisan melalui keturunan langsung, yang mana takhta diturunkan daripada seorang sultan kepada anaknya atau adik-beradiknya, sebagaimana yang dapat dilihat pada majoriti sultan-sultan Brunei yang disenaraikan. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Milner (2008) yang menegaskan bahawa sistem pewarisan berdasarkan keturunan darah merupakan teras utama legitimasi kuasa dalam sistem beraja Melayu. Selain itu, perkahwinan strategik turut memainkan peranan penting bagi menentukan pewarisan takhta, khususnya pada peringkat awal kesultanan, iaitu melalui kisah Sultan Ahmad dan Sultan Sharif Ali yang mewarisi takhta melalui hubungan

perkahwinan dengan keluarga diraja. Hal ini bertepatan dengan rumusan Saunders (1994) yang mendapati bahawa perkahwinan diraja merupakan instrumen politik yang penting bagi mengukuhkan dan mewariskan kuasa dalam kerajaan-kerajaan Melayu. Selain itu, terdapat juga sebilangan kecil kes pewarisan yang berlaku melalui perebutan kuasa dalam kalangan kerabat diraja seperti yang diperlihatkan melalui kisah Sultan Muhyiddin dan Sultan Abdul Mubin. Oleh itu, kehadiran pelbagai pola pewarisan ini dalam naskhah *Silsilah Raja-raja Brunei* membuktikan bahawa salasilah turut mendokumentasikan kedinamikan kuasa dan kesinambungan pemerintahan kesultanan Brunei daripada satu generasi kepada generasi yang berikutnya.

Pembukaan Negeri

Naratif pembukaan negeri merupakan satu daripada ciri utama dalam tradisi historiografi Melayu. Menariknya, kedua-dua naskhah *Silsilah Raja-raja Brunei* tidak menceritakan kisah pembukaan negeri Brunei secara langsung dan jelas. Hal ini berbeza dengan naskhah Melayu yang lain seperti *Hikayat Merong Mahawangsa* yang secara terang-terangan menceritakan peristiwa pembukaan negeri Kedah. Walau bagaimanapun, ketiadaan kisah pembukaan negeri secara fizikal dalam *Silsilah Raja-raja Brunei* ini bukanlah satu kekurangan. Sebaliknya, mencerminkan bahawa konsep “pembukaan negeri” dalam naskhah ini difahami secara berbeza, iaitu tidak ditampilkan melalui peristiwa fizikal, tetapi melalui tiga perkara utama, iaitu pengiktirafan kuasa oleh pihak luar, pengesahan kedudukan raja dan penerimaan Islam sebagai asas pemerintahan. Hal ini bertepatan dengan gagasan Milner (1982) yang menyatakan bahawa sebuah kerajaan Melayu diakui kewujudannya bukan berdasarkan kawalan wilayah, tetapi berdasarkan kehadiran seorang raja yang diiktiraf oleh pihak lain.

Bermula pertama² yang mempunyai tahta malakat dalam negeri Berunai dāru’l-amān, yang mengambil warith pesaka nobat negara dan genta ‘alamat dari Johor kamālu’l-maqām, yang mengambil nobat negara dari negeri Minangkabau, iaitu negeri Andalas; maka yang pertama kerajaan dan membawa agama Nabi Muhammad, s.‘a.w. dalam negeri Berunai, ialah mengeraskan agama Islam dan ia-itu Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad.

(Manuskrip A, 1968, hlm. 14)

Shahadan tersebut pula negeri Johor. Ada pun mula² pada zaman itu Sultan Bahteri naik kerajaan didalam negeri Johor, maka zamannya itu

dipanggilnyalah Awang Khalak Betatar dan Patéh Merbai didalam negeri Berunai ke Johor. Maka apabila sudah sampai dinegeri Johor, Awang Khalak Betatar itu Sultan Muhammad ialah jadi raja yang pertama dalam Berunai, dan patéh itu digalarnya jadi Pengéran Bendahara Seri Maharaja. Maka sultan itu dinugerahai oleh Yang Di Pertuan Johor nobat negara dan genta ‘alamat dan negeri lima buah, iaitu negeri Kalaka’ dan negeri Saribas dan negeri Semarahan dan negeri Serawak dan Mukah. Maka tiada berapa lamanya Sultan Muhammad itu di Johor, ia pun berangkat pulang ke Berunai.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 52)

Kedua-dua naskhah *Silsilah Raja-raja Brunei* menggambarkan “pembukaan negeri” Brunei bukan melalui peristiwa fizikal, tetapi melalui proses pengiktirafan politik. Manuskrip A memperkenalkan Sultan Muhammad sebagai pemerintah pertama Brunei. Beliau mewarisi nobat negara dan genta alamat dari Johor serta Minangkabau, dan bertanggungjawab membawa Islam ke Brunei. Walaupun ringkas, petikan ini secara jelas menunjukkan bahawa legitimasi pemerintahan Sultan Muhammad tidak berasaskan peristiwa fizikal, sebaliknya berasaskan pewarisan simbol kuasa dan peranannya sebagai pembawa Islam ke Brunei. Manuskrip B pula menghuraikan peristiwa ini dengan lebih terperinci. Sultan Bahteri dari Johor menjemput Awang Khalak Betatar dan Pateh Merbai ke Johor. Di Johor, Awang Khalak Betatar diiktiraf sebagai Sultan Muhammad, manakala Pateh Merbai dianugerahkan gelaran Pengiran Bendahara Seri Maharaja. Sultan Muhammad turut menerima nobat negara, genta alamat, serta lima buah negeri, iaitu Kalaka, Saribas, Semarahan, Sarawak dan Mukah.

Penganugerahan ini merupakan simbol penyerahan kuasa dan pengiktirafan kedaulatan yang menjadikan Brunei sebuah entiti politik yang diakui dalam jaringan kuasa Melayu Nusantara. Sekembalinya Sultan Muhammad ke Brunei, baginda bukan sahaja membawa pengiktirafan kuasa daripada Kerajaan Johor, malah membawa agama Islam sebagai teras pemerintahan baharu. Peristiwa inilah yang menandakan titik perubahan terbesar dalam sejarah awal Brunei, iaitu daripada sebuah negeri yang penduduknya tidak beragama Islam kepada sebuah kerajaan Islam yang berdaulat dengan sultan Islamnya yang pertama. Perkara ini turut disokong oleh Amin Sweeney yang berpendapat bahawa pemeluk Islam oleh Awang Khalak Betatar merupakan titik permulaan kepada pembentukan kerajaan tradisional Brunei (Brown, 1970; Abd Karim, 2014). Dengan erti kata lain, “pembukaan negeri” Brunei dalam konteks kedua-dua naskhah ini lebih

tepat difahami sebagai detik pengasasan Brunei sebagai sebuah kerajaan Islam, iaitu sebuah transformasi yang merangkumi perubahan agama, pengiktirafan kuasa dan pengesahan kedaulatan serentak dalam satu peristiwa yang sama.

Kedatangan dan Perkembangan Agama Islam

Satu daripada ciri penting lain historiografi Melayu ialah kisah kedatangan dan perkembangan agama Islam. Di Negara Brunei Darussalam, Islam berkembang pada sekitar abad ke-14, iaitu pada zaman Sultan Muhammad Shah (Haji Muhammad Abdul Latif & Zainuddin Haji Hassan, 2009). Sebelum memeluk agama Islam, baginda dikenali sebagai Awang Alak Betatar. Baginda memeluk Islam ketika berada di Johor dan kembali ke Brunei sebagai seorang pemimpin Islam. Baginda menyebarkan ajaran Islam di kalangan penduduk tempatan (Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2001). Hal ini dicatatkan dalam *Silsilah Raja-raja Brunei* Manuskrip A dan Manuskrip B.

Maka yang pertama kerajaan dan membawa agama Nabi Muhammad s.a.w. dalam negeri Berunai, ialah mengeraskan agama Islam dan iaitu Sultan Muhammad dan saudaranya Sultan Ahmad.

(Manuskrip A, 1968, hlm. 14)

Bermula pada zaman Awang Khalak Betatar menjadi raja didalam Berunai. Lagi kafir didalam Berunai.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 51)

Shahadan tersebut pula negeri Johor. Ada pun mula2 pada zaman itu Sultan Bahteri naik kerajaan didalam negeri Johor, maka zamannya itu dipanggilnyalah Awang Khalak Betatar dan Pateh Merbai didalam negeri Berunai ke Johor. Maka apabila sudah sampai dinegeri Johor, Awang Khalak Betatar itu Sultan Muhammad ialah jadi raja yang pertama dalam Berunai.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 52)

Ketiga-tiga petikan tersebut menekankan bahawa agama Islam di Brunei bermula dengan Sultan Brunei yang pertama, iaitu Awang Alak Betatar. Sebelum pengislaman baginda, Brunei masih berada dalam tradisi keagamaan pra-Islam, manakala Awang Khalak Betatar merupakan pemerintah terakhir sebelum berlakunya proses Islamisasi kerajaan Brunei. Manuskrip A secara jelas menyatakan bahawa Sultan Muhammad dan

saudaranya, Sultan Ahmad, merupakan individu yang “membawa agama Nabi Muhammad s.a.w.” serta “mengeraskan agama Islam” di Brunei. Ungkapan tersebut menunjukkan bahawa peranan pemerintah tidak hanya tertumpu kepada penerimaan Islam sebagai pegangan peribadi, malah turut bertanggungjawab memperkukuh dan mengembangkan ajaran Islam dalam pemerintahan, serta kehidupan masyarakat. Manuskrip B pula menggambarkan keadaan Brunei sebelum pengislaman Awang Alak Betatar sebagai berada dalam tradisi keagamaan pra-Islam. Naratif seterusnya menjelaskan bahawa baginda berangkat ke Johor dan kemudiannya memeluk agama Islam sebelum diiktiraf sebagai Sultan Muhammad, pemerintah Islam pertama Brunei. Penceritaan ini tidak hanya merekodkan peristiwa pengislaman seorang raja, tetapi turut menandakan permulaan transformasi Brunei daripada sebuah kerajaan pra-Islam kepada sebuah kerajaan yang berteraskan Islam. Dari sudut historiografi Melayu, pencatatan peristiwa ini mempunyai kepentingan yang besar kerana berfungsi menjelaskan asal usul Islam di Brunei serta menghubungkan perkembangan agama tersebut dengan institusi kesultanan. Dalam tradisi pensejarahan Melayu, pengislaman pemerintah sering dijadikan titik perubahan penting dalam sejarah sesebuah kerajaan kerana agama Islam kemudiannya menjadi asas dalam pemerintahan, sistem nilai, adat istiadat dan kehidupan masyarakat (Tatiana Denisova, 2013). Oleh itu, catatan mengenai Awang Khalak Betatar yang kemudiannya dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah merupakan rekod sejarah yang menjelaskan permulaan proses Islamisasi Brunei dan pembentukan identiti Brunei sebagai sebuah kerajaan Islam.

Selepas itu, Islam di Brunei semakin kukuh dan berkembang dengan kedatangan Sharif Ali, iaitu seorang ulama keturunan Nabi Muhammad SAW dari Taif.

Maka beranak seorang perempuan dengan isterinya saudara raja China yang di-ambil daripada China Batangan. Maka puteri itulah diambil oleh Sharif ‘Ali yang turun dari negeri Ta’if. Maka Sharif ‘Ali itulah kerajaan, dinamai akan dia Paduka Seri Sultan Berkat dan ialah mengeraskan shari‘at Rasūlu ‘Llāh ṣ.a.w. dan berbuat masjid dan segala ra‘yat hina berbuat kota batu. Maka Sharif ‘Ali itu pan-char2 silsilah daripada Amiru’l-Muminin Hasan, chuchu Rasulu’Llah, s.a.w.

(Manuskrip A, 1968, hlm. 11–12)

Maka tiada berapa lama’nya, ma-soklah seorang bangsa ‘Arab yang bernama Sharif ‘Ali Bilfakih’ kedalam Berunai, yang turun dari negeri Ta’if. Adalah sharif itu panchir daripada Amirul Mu’minin Hasan, chuchu

Rasulu'Llah s.a.w. Maka tiada berapa lamanya Sharif 'Ali itu di- dalam negeri Berunai, ia pun berbini anak Sultan Ahmad ini; maka lalu dikahwin- kanlah sebagaimana mengikut 'adat rajaz pada masa itu. Maka Sharif 'Ali inilah mendirikan agama Islam dan mengeraskan shari'at nabi kita Muhammad s.a.w. di- dalam Berunai, dan membuatkan masjid. Didalam demikian itu, maka diturunkan- (6) nyalah kerajaan Sultan Ahmad itu kepada menantunya Sharif 'Ali, digalar/Sultan Berkat. Maka sultan inilah raja yang ketiga didalam Berunai, dan ialah membuat- kan kota batu, disurohnya sekalian ra'yat China dan Berunai.

(Manuskrip B, 1968, hlm. 54)

Kedua-dua petikan tersebut memperlihatkan mengenai kedatangan Sharif Ali ke Brunei. Sharif Ali lalu dikahwinkan dengan puteri Raja Ahmad dan menjadi Sultan Brunei yang ketiga, iaitu Sultan Sharif Ali. Manuskrip A dan Manuskrip B secara konsisten memperlihatkan bahawa Sultan Sharif Ali, sepanjang pemerintahannya di Brunei, berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memperkukuh ajaran Islam dan menegakkan syariat Nabi Muhammad SAW. Sultan Sharif Ali tidak hanya mengukuhkan pelaksanaan undang-undang di Brunei, tetapi turut membina masjid pertama di Brunei sebagai tempat untuk beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali merupakan titik mula perkembangan Islam yang pesat kerana baginda memiliki latar belakang agama yang kuat (Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2004). Sumbangan yang besar ini telah melayakkan baginda untuk memegang gelaran yang diberikan kepada baginda, iaitu Sultan Berkat. Dari perspektif historiografi Melayu, naratif ini menandakan peralihan daripada tahap pengenalan Islam kepada tahap pementapan institusi Islam dalam kerajaan, apabila Islam tidak hanya diamalkan, tetapi turut dijadikan asas pentadbiran, sistem nilai dan struktur sosial masyarakat Brunei. Perkara ini selaras dengan pandangan Tatiana Denisova (2013) yang menyatakan bahawa proses Islamisasi sering digambarkan terjadi secara berperingkat dalam karya historiografi Melayu-Islam.

Seterusnya, *Silsilah Raja-raja Brunei* turut memperlihatkan perkembangan Islam di Brunei yang berlaku secara beransur-ansur sehingga menjadi sebahagian daripada asas kehidupan masyarakat dan diselaraskan dengan adat istiadat setempat. Menurut Awang Asbol Mail (2012), sebelum kedatangan Islam, kehidupan masyarakat Brunei dipengaruhi oleh agama Buddha dan Hindu kerana Brunei pernah ditakluk oleh kerajaan Sriwijaya dan juga Majapahit. Namun begitu, selepas kedatangan Islam,

sebahagian besar adat dan istiadat tersebut telah diselaraskan dengan ajaran dan nilai-nilai Islam (Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 2003). Perkara ini memperlihatkan ketekatan dan semangat yang kuat untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam semua aspek kehidupan. Dalam Manuskrip A, ada ditonjolkan mengenai adat istiadat berkaitan dengan kemangkatan sultan-sultan Brunei dan raja-raja besar. Apabila seorang sultan ataupun raja besar mangkat, majlis pemakaman dilaksanakan dengan penerapan nilai-nilai keagamaan dan penghormatan berlandaskan Islam.

Maka apabila raja² yang besar mati kembali kerahmatu'Llah, maka dibawa oranglah jenazah kemasjid. Maka berhadapanlah imam dan khatib dan mudim dan segala 'ulama' dan fakir menyembahyangkan jenazah itu, tiada h-a-l-y banyaknya yang menyembahyangkan. Shahadan bermula 'adat segala rajaz yang besar² mati, apabila tatkala sudah ditanamkan dan ditalkinkan, maka mengajilah segala khatib dan mudim serta segala 'ulama' dan fakir didalam negeri itu akan tolong bagi raja itu. Maka jika sultan mati dua puluh hari, maka jika rajaz besar tujuh hari. Maka selasailah daripadanya mengaji tolong itu, maka dinugerahi pakaian mana yang (34) layak kepadanya; dan telah ter'adat didalam negeri / Berunai, maka apabila mati, sudah terkuborkan,¹ maka dipanggil imam dengan segala khatib dan mudim dan segala 'ulama' berhimpun dzikir Allah Ta'ala, diniatkan pahalanya bagi yang mati, hingga tiga hari segala dzikir Allah; banyak dzikir itu tujuh puluh ribu; dan apa- bila genap empat puluh hari mengaji Kuran sekali khatam, maka tiap² mengaji itu, mengeluarkan sedekah jua segala anak chuchunya mati itu, supaya pahala- nya bagi yang mati itu, dan menyuroh pula mengaji empat puluh hari kepada imam khatib dan mudim dan 'ulama' dan masheikh dan fakir. Maka dibari seorang budak akan sedekahnya pada khatib dan imam dua orang. Maka apabila genap em- pat puluh hari, maka digantilah raja yang lain.

(Manuskrip A, 1968, hlm. 29-30)

Petikan tersebut memperlihatkan sebahagian adat istiadat pengurusan ketika kemangkatan Sultan. Ketika berlaku kemangkatan Sultan, jenazah akan disembahyangkan di masjid oleh imam, khatib, mudim, ulama dan rakyat, kemudian dikebumikan dan ditalkinkan dengan sempurna. Majlis keagamaan seperti mengaji, bacaan tahlil dan doa sedekah akan dilangsungkan selama 20 hari bagi sultan dan tujuh hari bagi raja-raja besar. Zikir dibacakan selama tiga hari, manakala khatam al-Quran diadakan pada hari ke-40 diiringi sedekah daripada waris si mati. Setelah genap 40 hari, majlis perlantikan raja baharu pun dilangsungkan. Keseluruhan proses ini jelas memperlihatkan nilai-nilai Islam telah diserap secara menyeluruh

dalam adat istiadat masyarakat Brunei. Amalan seperti solat jenazah, talkin, zikir, khatam al-Quran dan sedekah semuanya berpaksikan syariat Islam, namun dilaksanakan mengikut tatatertib dan kerangka masyarakat yang tersendiri. Hal ini bukan bermakna adat lama ditinggalkan, sebaliknya adat tersebut diisi semula dengan makna dan nilai Islam, iaitu satu proses yang dikenali sebagai islamisasi adat (Mohd. Shuhaimi Haji Ishak & Osman Chuah Abdullah, 2012).

KESIMPULAN

Penelitian terhadap kedua-dua naskhah *Silsilah Raja-raja Brunei* membuktikan bahawa naskhah ini memenuhi keempat-empat ciri utama karya historiografi Melayu, iaitu asal usul raja, salasilah keturunan raja, pembukaan negeri, serta kedatangan dan perkembangan Islam. Dari aspek asal usul raja, kajian mendapati bahawa kisah Sultan Muhammad sebagai sultan pertama Brunei dipaparkan secara sederhana tanpa unsur mitos atau sakral, namun naratif berubah apabila beralih kepada Sultan Ahmad dan Sultan Sharif Ali yang dikaitkan dengan unsur mitos, legenda dan sakral. Bagi aspek pembukaan negeri pula, *Silsilah Raja-raja Brunei* menggambarkan konsep tersebut secara berbeza berbanding dengan naskhah Melayu yang lain, iaitu melalui pengiktirafan kuasa, penerimaan simbol kedaulatan dan pengesahan Islam sebagai teras pemerintahan. Dari sudut kedatangan dan perkembangan Islam, naskhah ini secara jelas merakamkan proses Islamisasi Brunei bermula daripada pengislaman Sultan Muhammad Shah sehinggalah pemantapan syariat Islam di bawah pemerintahan Sultan Sharif Ali. Bukan itu sahaja, turut digambarkan cara Islam telah sebatikan dalam sistem pemerintahan, adat istiadat dan kehidupan masyarakat Brunei. Dari aspek salasilah keturunan raja pula, kedua-dua naskhah merekodkan kesinambungan pemerintahan kesultanan Brunei melalui tiga pola pewarisan takhta, iaitu keturunan langsung, perkahwinan strategik dan perebutan kuasa.

Tuntasnya, dapatan kajian ini bukan sahaja penting dari sudut akademik, malah turut memberikan implikasi terhadap usaha pemeliharaan warisan budaya dan pengajaran sejarah Melayu-Brunei pada pelbagai peringkat, merangkumi institusi pengajian tinggi, sekolah menengah dan rendah, serta masyarakat umum. Bagi kajian akan datang, pengarang mencadangkan agar pengkaji meneliti versi manuskrip yang lain yang belum dikaji secara mendalam, serta membuat perbandingan dengan naskhah historiografi Melayu yang lain, seperti *Sejarah Melayu* bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang tradisi penulisan sejarah Melayu. Secara

keseluruhan, kajian ini memperlihatkan bahawa *Silsilah Raja-raja Brunei* merupakan sebuah karya historiografi yang kaya dengan dimensi sejarah, politik, agama dan budaya. Naskhah ini berfungsi sebagai dokumen legitimasi yang mengabadikan keagungan institusi kesultanan Brunei. Oleh itu, *Silsilah Raja-raja Brunei* wajar diiktiraf sebagai sebuah karya historiografi Melayu yang bernilai tinggi dalam khazanah persuratan dan pensejarahan di Borneo.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Brunei Darussalam kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Selaku penulis tunggal, pengarang bertanggungjawab terhadap keseluruhan penulisan makalah ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abd. Karim Hj. Abd Rahman. (2008). *Keruntuhan empayar Brunei KM 19: Satu kajian dari sudut ekonomi*. Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Amer Hudhaifah Hamzah, Asmady Idris, & Md Sazali Md Salleh. (2025, 21–24 Jun). *Salasilah Raja Brunei, salinan foto Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah: Pengenalan naskhah dan isi kandungan* [Kertas kerja]. International Conference on Islamic Manuscripts 2025, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.
- Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah. (2016). *Silsilah Raja-raja Brunei: The Brunei sultanate and its relationship with other countries*. Dlm O.K. Gin (Pnyt.), *Brunei: History, Islam, society and contemporary issues*. (hlm. 45–61). Routledge.
- Awang Asbol Mail. (2012). *Sejarah & persejarahan Brunei: Dinamika pembentukan dan transformasi*. Pusat Sejarah

- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (2001). *Tarsilah Brunei sejarah awal dan perkembangan Islam*. Pusat Sejarah Brunei.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (2003). *Adat istiadat diraja Brunei*. Jabatan Adat Istiadat Negara.
- Awang Mohd. Jamil Al-Sufri. (2004). *Brunei Darussalam negara Melayu Islam Beraja*. Pusat Sejarah Brunei.
- Awang Mohd. Jamil A-Sufri. (2006). Raja Brunei berasal dari China? *Jurnal Darussalam*, 6, 6–11.
- Braginsky, V. I. (1993). *The system of classical Malay literature*. KITLV Press.
- Braginsky, V. I. (2004). *The heritage of traditional malay literature: A historical survey of genres, writings and literary views*. KITLV Press.
- Brown, C. C. (1970). An early account of Brunei by Sung Lien. *BMJ*, 2(4), 222.
- Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Fatimah Pengiran Hassan. (2010). *Salasilah raja-raja dalam Brunei: Kajian adat istiadat dan budaya pemikiran Melayu Brunei* [Tesis sarjana muda]. Universiti Brunei Darussalam.
- Gallop, A. T. (2019). Silsilah raja-raja Brunei: The manuscript of Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim. *Archipel*, 97, 173–212. <https://doi.org/10.4000/archipel.1066>
- Gallop, A. T. (2021). Brunei through the silsilah, adat, hikayat and syair: *Silsilah Raja-raja Brunei* reconsidered. Dlm V. T. King, & S. C. Druce (Pnyt.), *Origins, history and social structure in Brunei Darussalam*. (hlm. 73–110). Routledge.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Haji Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh, & Jamilah Haji Ahmad. (2006). *Kesusasteraan Melayu tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maymunah, J., & Wirajaya, A. Y. (2020). Unsur-unsur historiografi tradisional Islam dalam teks *salsilah keturunan raja-raja Brunei dan sistem pemerintahan brunei saat ini*. *Titian: Jurnal Ilmu Humaniora*, 4(2), 189–197. <https://doi.org/10.22437/titian.v4i2.10787>
- Milner, A. C. (2008). *The Malays*. Wiley-Blackwell.
- Milner, A. C. (1982). *Kerajaan: Malay political culture on the eve of colonial rule*. SIRD.
- Mohd. Shuhaimi Haji Ishak, & Osman Chuah Abdullah. (2012). Islam and the Malay World: An insight into the assimilation of Islamic values. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 2(2), 58–65. https://www.academia.edu/143066744/Islam_And_the_Malay_world_an_insight_into_the_assimilation_of_Islamic_values
- Muhammad Abdul Latif, & Zainuddin Haji Hassan. (2009). Kesultanan Melayu Islam Beraja. *Pusaka*, 18, 71–76.
- P. L. Amin Sweeney. (1968). Silsilah raja-raja Brunai. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 41(2). 1–82.
- Pusat Sejarah Brunei. (t.t.). *Sultan-sultan Brunei*. <http://www.history-centre.gov.bn/Info%20Sejarah/Sultan%20-%20Sultan%20Brunei.aspx>

- Puteh Noraihan A. Rahman, & Zahir Ahmad. (2017). Hubungan simbolisme dan spiritualisme dewa-raja dalam kesusasteraan Melayu klasik. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, 24(2), 123–139. https://ejournal.usm.my/kajh/article/view/kajh_vol24-no-2-2017_5
- Sanib Said. (1988, 2 November). *Silsilah raja-raja Brunei: Tinjauan awal dari sudut sejarah* [Kertas kerja]. Seminar Manuskrip Melayu dan Sejarah, Universiti Brunei Darussalam.
- Saunders, G. (1994). *A history of Brunei*. Oxford University Press.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1989, 28–31 Ogos). *Karya historiografi Melayu tradisional dalam bentuk puisi: Sorotan khas Syair Awang Semaun* [Kertas kerja]. Seminar Sejarah Brunei. Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1993). *Teks Melayu tradisional: Interpretasi dan penilaian dalam pengkajian kesusasteraan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hawa Haji Salleh. (1995, 2–28 Ogos). *Salasilah raja-raja Brunei: Suatu penilaian persejaraan* [Kertas kerja]. Seminar Sejarah Brunei II. Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.
- Tatiana Denisova. (2013). Sejarah penyebaran Islam di alam Melayu berasaskan sumber-sumber sejarah Melayu Islam kurun ke-18 hingga ke-19. *Journal of Al-Tamaddun*, 8(1), 85–98. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol8no1.6>
- Teuku Iskandar. (1988, 12 Oktober). *Historiografi Melayu: Antara nilai sastera dan sejarah* [Kertas kerja]. Seminar Manuskrip Melayu dan Sejarah. Universiti Brunei Darussalam.
- Teuku Iskandar. (1989, 28-31 Ogos). *Tradisi lisan dan historiografi dalam penyelidikan sejarah Brunei* [Kertas kerja]. Seminar Sejarah Brunei. Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

-
- 1 Maklumat berkaitan tahun pemerintahan sultan-sultan Brunei diperoleh daripada Pusat Sejarah Brunei, Sultan-Sultan Brunei, <https://www.history-centre.gov.bn/Info%20Sejarah/Sultan%20-%20SultanBrunei.aspx>. diakses pada 17 Jun 2026.
 - 2 Mengikut urutan rasmi, Sultan Muhyiddin merupakan Sultan Brunei ke-14.
 - 3 Mengikut urutan rasmi, Sultan Abdul Hakkul Mubin merupakan Sultan Brunei ke-13.
 - 4 Sultan Abdul Mubin tidak disenaraikan dalam susur galur Sultan-Sultan Brunei Manuskrip A, tetapi ada dinyatakan pada bahagian lain berkaitan dengan keturunan diraja Brunei.